

KENYATAAN MEDIA**10 JULAI 2025**

MAJLIS ANUGERAH IKON USAHANITA DIGITAL 2025

“Mengiktiraf Usahawan Wanita Muda Selangor dalam Ekonomi Digital”

Shah Alam, 10 Julai 2025 – **Majlis Anugerah Ikon Usahanita Digital 2025** telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang hari ini di Dewan Bankuet, Bangunan Jubli Perak Sultan Abduk Aziz, sebagai penutup rasmi kepada **Program Insentif Digital Media Usahanita Muda (Usahanita Digital)** yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Kebajikan Masyarakat melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS).

Majlis ini telah dirasmikan oleh **Yang Berhormat Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor**. Turut hadir, Puan Siti Faridah Abdul Samad, Ketua Pegawai Eksekutif WBS; wakil agensi kerajaan dan swasta; serta barisan rakan kolaborasi strategik seperti Menteri Besar Selangor (Incorporated) melalui Platform Selangor (PLATS), Yayasan Hijrah Selangor, Yayasan Peneraju, SIDEC dan Appengage Sdn Bhd.

Program Usahanita Digital merupakan inisiatif berimpak tinggi oleh Kerajaan Negeri Selangor yang bertujuan memperkasakan wanita muda dalam bidang keusahawanan digital. Ia menyediakan latihan, bimbingan dan pendedahan menyeluruh dalam aspek pemasaran digital, penghasilan kandungan laman sesawang, serta kemahiran asas dan lanjutan dalam pengurusan perniagaan digital. Program ini telah menerima permohonan seramai 226 orang peserta. Daripada jumlah tersebut, penyertaan telah disaring dan disusun mengikut lima fasa pelaksanaan, iaitu:

- ◆ Fasa Pertama – Bengkel Asas 203 orang peserta;
- ◆ Fasa Kedua – Bengkel Pembangunan Kapasiti & Latihan: 120 orang peserta;
- ◆ Fasa Ketiga – Bazar Usahanita Digital: 81 orang peserta;
- ◆ Fasa Keempat – Pitching Usahanita Digital: 41 orang peserta; dan
- ◆ Fasa Kelima – Pitching Peringkat Akhir dan Majlis Anugerah: 10 orang finalis

Majlis Anugerah Ikon Usahanita Digital menyaksikan pembentangan daripada **10 finalis terbaik**, yang terdiri daripada usahawan wanita muda dengan pelbagai latar belakang perniagaan seperti makanan, pendidikan awal kanak-kanak, spa kecantikan, seni tangan, teknologi pendidikan, dan produk penjagaan haiwan peliharaan.

Kemuncak majlis adalah penyampaian anugerah **1 Ikon Usahanita Digital 2025 dan 4 Usahanita Terbaik**. Antara ganjaran yang diberikan termasuk **wang tunai, trofi, sijil penyertaan, insentif geran padanan perniagaan, dan lawatan industri ke luar negara**, bertujuan mengembangkan potensi perniagaan peserta ke tahap yang lebih kompetitif dan berskala global.

Penilaian akhir telah dijalankan oleh panel profesional daripada pelbagai agensi yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan dan ekonomi digital, termasuk SIDEC, PLATS, Yayasan Hijrah, Yayasan Wakaf Khadijah, dan Appengage.

Wanita Berdaya Selangor percaya bahawa program seperti ini akan terus menjadi pemangkin kepada pembentukan komuniti usahawan wanita muda yang lebih progresif, inovatif dan berdikari dalam era digital. WBS komited untuk meneruskan usaha dalam memperluas ruang dan peluang kepada wanita Selangor agar mampu menyumbang secara langsung kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara.

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan media, sila layari laman rasmi Wanita Berdaya Selangor atau hubungi Puan Imma Mansor di talian 013-2898399 atau emel ke imma@wbselangor.com.my.

-Tamat-

JABATAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & KOMUNIKASI STRATEGIK
WANITA BERDAYA SELANGOR
10 JULAI 2025